

01/06/1997

Hidup berjiran perlu banyak sabar

A Nazri Abdullah

KITA ucapkan tahniah kepada Datuk Megat Junid Megat Ayob di atas pelantikan beliau sebagai Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwat Pengguna. Sebagai Timbalan Menteri yang paling kanan, malah lebih lama berkhidmat berbanding beberapa menteri lain, kita yakin tidak siapa yang akan mempertikaikan atau berasa kecil hati di atas pelantikan Megat Junid sebagai menteri penuh. Megat beberapa kali terlepas peluang, kerana sebagai orang kepercayaan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri mahu beliau kekal sebagai timbalannya di Kementerian Dalam Negeri. Hal ini mudah difahami kerana Perdana Menteri yang sibuk dengan pelbagai agenda antarabangsa dan pembangunan negara, memerlukan orang yang paling dipercayainya menjaga Hal Ehwat Dalam Negeri.

Dengan pengalamannya yang luas, sementelahan pula berkhidmat secara langsung di bawah Perdana Menteri, Megat tentunya memiliki kebijaksanaan dan kemampuan yang jitu untuk memikul tugas barunya. Kalau dulu tugasnya menjaga keselamatan dan kesejahteraan rakyat, tugasnya yang baru tidak banyak bezanya. Keselamatan pengguna daripada muslihat dan tipu helah pengeluar dan peniaga sama pentingnya dengan tugas menjaga keselamatan rakyat. Mengawal inflasi dan kenaikan harga barang memerlukan penguatkuasaan undang-undang yang tegas dan kerja seperti ini sudah menjadi kebiasaan Megat.

Juga kita ucapkan syabas kepada Datuk Abu Hassan Omar di atas kemenangan beliau dengan majoriti terbesar dalam pilihan raya kecil Permatang. Calon Barisan Nasional di Dewan Undangan Negeri Repah, Negeri Sembilan dan Parlimen Kuala Selangor juga mendapat kemenangan besar. Tiga kemenangan ini sekurang-kurangnya mengubat luka kekalahan di Teluk Intan. Gempa bumi yang dicanangkan oleh DAP rupa-rupanya sekadar kocakan kecil cawan kopi kerana tersalah tatang. Kerana terlalu yakin atau kerana kesilapan sesetengah pemimpin, BN terpaksa menerima kekalahan di Teluk Intan dengan penuh kekesalan. Kekesalan ini dijadikan pengajaran di Kuala Selangor dan Repah dan hasilnya, BN berjaya mencipta kemenangan besar.

Sepanjang minggu ini kita disajikan dengan pelbagai berita gembira yang menyenangkan. Kejayaan dua pendaki kita memanjat puncak Everest tentunya menjadi kemegahan seluruh negara. Pada masa yang sama harga saham juga mulai naik dan ini tentunya melegakan pelabur. Kita harap pelabur tempatan tidak menunggu hingga harga terlalu tinggi untuk memasuki pasaran. Sekarang adalah masa yang paling baik untuk membeli saham sebelum pemegang dana antarabangsa merempuh masuk.

Kalau pun ada berita yang tidak begitu menyeronokkan, ia cuma kesilapan rakan kita menyiarkan kartun yang tidak menyenangkan jiran kita Thailand. Perkara seperti ini biasa berlaku terutama apabila kita terlalu ghairah untuk menghentam seseorang, secara tidak disedari kita turut menyinggung orang lain. Dalam hal ini sasaran kartun itu ialah Singapura, tetapi tanpa disedari Thailand dan Indonesia turut dibabit bersama.

Kita harap surat Menteri di Kedutaan Thailand yang disiarkan dalam akhbar kumpulan kita akan menamatkan isu ini. Kartunis kita sepatutnya lebih peka dalam melakar karya mereka supaya ia tidak menimbulkan isu antara negara jiran. Kartunis boleh bersinikal dan kritikal tetapi mestilah ada batas-batasnya. Janganlah anggap kita bebas dan berkuasa menulis dan melukis apa saja kerana sebagai manusia kita juga terdedah kepada kesilapan.

Kita tidak mahu nantinya kita dituduh sombong dan bongkak dengan kemajuan dan kejayaan yang kita capai. Masalah penyakit Aids bukan saja

terdapat di Thailand kerana di Malaysia pun sudah ramai yang mati kerana penyakit itu. Kalau kita marah apabila sebuah syarikat penerbangan asing menasihatkan penumpangnya supaya berhati-hati ketika di Malaysia kerana wabak denggi dan malaria, tentunya kerajaan Thailand dan rakyatnya juga akan tersinggung dengan kartun berkenaan.

Berbalik kepada isu Malaysia-Singapura, kita harap rakyat kedua-dua negara menjadi bertambah matang dalam menangani suasana seperti ini yang pastinya akan berlaku lagi pada masa-masa akan datang. Kita tidak seharusnya bertindak sehingga orang lain memandang rendah dan permainan kita seperti budak-budak. Kita tidak perlu melaung untuk menyaman Lee Kuan Yew, memotong bekalan air atau menghalang penerbangan Singapore Airlines di Malaysia kerana hal ini tidak akan berlaku.

Kalau kita lihat apa yang berlaku di Eropah sekarang, kemarahan rakyat Britain kepada Perdana Menteri Jerman dan Presiden Perancis dalam isu subsidi pertanian, penyeragaman mata wang cukai dan sebagainya begitu memuncak sekali sehingga Parti Konservatif kalah teruk kepada Parti Buruh. Akhbar-akhbar Britain sering menyiarkan kartun mempersenda pemimpin Perancis dan Jerman tetapi mereka tidak pernah mendesak ditutup terowong di Selat Inggeris atau disekat pendaratan syarikat penerbangan Perancis dan Jerman ke England. Walaupun isu yang melingkari Kesatuan Eropah sekarang membabitkan soal maruah, identiti dan kebangsaan, rakyat Britain, Perancis dan Jerman tidak pun menunjukkan reaksi melampau yang boleh mencuit perasaan jiran mereka. Semangat kejiranan seperti ini sepatutnya dipupuk di Asean kerana walau apa pun yang dilakukan oleh ahli politik, hakikatnya kita akan tetap sebagai jiran.

(END)